

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
(TASEK GELUGOR)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [ TASEK GELUGOR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan yang dialami oleh Kerajaan ketika ini akibat penurunan harga minyak dan nilai matawang Ringgit Malaysia.

**JAWAPAN**

Malaysia adalah sebuah negara ekonomi terbuka yang terdedah kepada kesan persekitaran luar yang tidak menentu. Kejatuhan harga minyak tidak memberi impak yang begitu ketara secara keseluruhannya, memandangkan struktur ekonomi negara kita kini lebih pelbagai dan meluas yang disokong oleh peningkatan daya tahan dan daya saing serta

asas-asas ekonomi yang kukuh. Manakala penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini juga bukanlah suatu kes terpencil dan penyusutan tersebut didorong terutamanya oleh faktor luaran. Ini termasuk pengukuhan dolar Amerika Syarikat berikutan prospek negara Amerika yang semakin kukuh dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di negara berkenaan.

2. Penyusutan nilai ringgit pada amnya memberi kesan positif, meningkatkan nilai eksport dan menjadikan Malaysia lebih kompetitif. Walaupun nilai import juga turut menjadi lebih mahal, namun secara keseluruhannya, imbalan perdagangan terus mencatat lebihan, memandangkan keseluruhan nilai eksport adalah lebih besar daripada nilai import. Penyusutan nilai ringgit juga akan memberi manfaat kepada industri pelancongan negara.

3. Kerajaan turut menilai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan berikutan perkembangan ekonomi semasa kesan daripada penurunan ketara harga minyak mentah dunia dan nilai ringgit. Berdasarkan kepada semakan semula harga minyak kepada USD55 setong hasil Kerajaan

Persekutuan dianggarkan berkurang sebanyak RM13.8 bilion daripada anggaran asal. Walau pun terdapat penjimatan daripada subsidi minyak hasil daripada pelaksanaan sistem pengapungan secara terkawal (*managed float*) bagi harga runcit RON95 dan Diesel, penjimatan ini masih tidak dapat menampung kekurangan hasil tersebut.

4. Justeru, Kerajaan telah menyemak semula sasaran paras defisit fiskal 2015 sebagai peratusan KDNK daripada 3% kepada 3.2%. Walau bagaimanapun, sasaran ini adalah masih lebih rendah berbanding 3.5% yang dicapai pada 2014. Bagi mencapai sasaran defisit baru ini, Kerajaan telah dan akan melaksanakan *fiscal adjustment* melalui langkah-langkah peningkatan hasil dan rasionalisasi perbelanjaan yang dijangka membawa kepada tambahan hasil sebanyak RM1.4 bilion dan penjimatan perbelanjaan sebanyak RM5.5 bilion.